

Soalan Lazim untuk BizBina-i

No.	Soalan	Jawapan
1.	Siapakah yang layak untuk memohon BizBina-i?	<p>i) Perniagaan yang diklasifikasikan sebagai PKS yang menepati definisi Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corporation Malaysia); dan</p> <p>ii) Perniagaan dimiliki dan dikuasai oleh warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia dan memiliki minima 51% pegangan saham dalam PKS.</p> <p>iii) Khas untuk pelanggan pembiayaan CGC sedia ada yang terjejas akibat bencana alam.</p>
2.	Jika saya mempunyai pembiayaan sedia ada dengan CGC, bolehkah saya memohon BizBina-i?	<p>Ya, skim ini khas untuk para pelanggan pembiayaan CGC yang sedia ada*.</p> <p>Nota: Tertakluk pada Terma dan Syarat</p>
3.	Apakah jumlah minima dan maksima pembiayaan bagi BizBina-i?	<p>Jumlah minima: RM20,000</p> <p>Jumlah maksima: RM200,000</p>
4.	Apakah tempoh maksima pembiayaan bagi BizBina-i?	Tempoh maksima pembiayaan adalah sehingga 5 tahun dan 6 bulan (termasuk tempoh penangguhan pembayaran untuk 6 bulan yang pertama)
5.	Apakah kadar keuntungan efektif bagi BizBina-i?	3.50% setahun.
6.	Adakah BizBina-i merupakan pembiayaan konvensional atau Islamik? Sekiranya pembiayaan Islamik, apakah asas prinsip Shari'ah yang berkenaan?	BizBina-i merupakan skim pembiayaan Islamik. Prinsip Syariahnya adalah berasaskan Komoditi Murabahah.
7.	Apakah yuran dan caj yang perlu dibayar oleh pelanggan untuk BizBina-i?	<p>Tiada. Yuran dan caj seperti berikut akan ditanggung oleh CGC:</p> <p>i. Duti Setem seperti yang termaktub pada Akta Setem 1949 (Disemak 1989)</p> <p>ii. Kos dan caj yang berkaitan dengan dokumentasi pembiayaan</p>
8.	Bolehkah saya membuat pembiayaan semula untuk pembiayaan CGC yang sedia ada melalui BizBina-i?	Tidak. BizBina-i disediakan untuk tujuan modal kerja dan kemudahan itu tidak boleh digunakan untuk pembiayaan semula kemudahan kredit yang sedia ada.
9.	Adakah saya akan dimaklumkan jika permohonan saya telah diluluskan atau ditolak?	Ya, CGC akan memaklumkan pelanggan untuk menerima surat tawaran jika permohonan telah diluluskan. Jika permohonan ditolak, pelanggan akan dimaklumkan dengan sewajarnya.
10.	Setelah tawaran pembiayaan diterima, bilakah jumlah pembiayaan akan disalurkan dalam akaun?	Penyaluran jumlah pembiayaan dalam akaun pelanggan adalah tertakluk kepada kelulusan dari CGC dan kelengkapan dokumentasi. Jika permohonan ditolak oleh CGC, penyaluran pembiayaan dalam akaun pelanggan tidak akan diteruskan.
11.	Bagaimanakah saya membuat pembayaran ansuran bulanan untuk pembiayaan ini?	Pembayaran ansuran bulanan untuk pembiayaan BizBina-i hendaklah dibuat ke CIMB Virtual Account atas nama Credit Guarantee Corporation (M) Bhd dengan tarikh pembayaran pada 25 haribulan pada setiap bulan.

No.	Soalan	Jawapan
12.	Bilakah bayaran ansuran bulanan pertama akan bermula?	Bayaran ansuran bulanan pertama bermula selepas berakhirnya 6 bulan penangguhan pembayaran pada prinsipal dan keuntungan. Tarikh efektif pembayaran untuk arahan tetap setiap bulan adalah pada 25 haribulan pada setiap bulan.
13.	Bolehkah saya membuat perlangsaian awal sebelum tempoh matang pembiayaan?	Ya. CGC akan memberikan ibra' kepada pelanggan yang membuat perlangsaian sebelum tempoh matang pembiayaan (seperti yang dinyatakan dalam perjanjian kemudahan).
14.	Jika saya berminat untuk mendapatkan maklumat lanjut atau memohon untuk BizBina- <i>i</i> , di manakah saya boleh melakukan rujukan?	Sila mengunjungi mana-mana cawangan CGC yang berdekatan (https://www.cgc.com.my/cgc-branches/) atau menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami (https://www.cgc.com.my/client-service-centre/).